

## **PCB.282866 - KONDISI JALAN YANG AMAT TERUK DAN BERLUBANG**

23 November 2021- BPA Negeri Pahang telah menerima aduan berkaitan terdapatnya jalan di Tun Ismail 9, Kuantan yang terletak di hadapan pintu utama Berjaya Megamall, Kuantan yang rosak dan pecah teruk sehingga mengakibatkan ketidakselesaan kepada pengguna jalan. Jalan yang dimaksudkan adalah. Semakan mendapati bahawa jalan berkenaan telah mula rosak sejak pertengahan tahun 2021 dan keadaannya semakin teruk tanpa sebarang tindakan dari mana-mana pihak.

### **Tindakan Penyelesaian**

BPA telah melaksanakan dua (2) Sesi Libat Urus (SLU) bersama pihak-pihak yang berkepentingan seperti pengurusan Berjaya Megamall, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Indah Water Konsortium (IWK), Jalur Cahaya Sdn. Bhd. (JCSB) (kontraktor bertanggungjawab bagi naik taraf sistem pembentungan daerah Kuantan) dan MBK.

BPA telahBBerjaya mendapatkan komitmen dari semua pihak agar bekerjasama dalam menyelesaikan aduan ini seperti berikut:

- (a) MBK melantik kontraktor untuk mengorek jalan dan membuka interlock konkrit bawah jalan. MBK juga melantik pembekal untuk membaikpulih jalan setelah kerja-kerja pembaikan paip selesai;
- (b) Membuat proses baikpulih saluran paip yang pecah setelah interlock konkrit dibuka;
- (c) IWK memantau kerja-kerja membuka interlock dan pembaikan saluran paip air berikutan terdapat saluran kumbahan yang berada hampir dengan saluran paip air dan interlock konkrit;
- (d) JCSB bersedia memberikan bantuan termasuk bantuan teknikal, petugas dan jentera kepada mana-mana pihak yang memerlukan; dan
- (e) Pengurusan Berjaya Megamall akan membantu membuat penutupan jalan dan mengubah aliran trafik dan kawasan tempat letak kereta pengunjung pusat beli belah selama 3 hari pelaksanaan kerja baikpulih.

Semakan lanjut BPA pada 4 februari 2022 mendapati bahawa kerja-kerja pembaikan telah diselesaikan sepenuhnya termasuk pembaikan permukaan jalan dalam tempoh 7 hari.

### **SEBELUM**



### **SEMASA**



### **SELEPAS**

